



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 8 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **88 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,864 kes** (74.43 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 8 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **68 kes**, baharu yang telah dilaporkan, **di mana 57 kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,535 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,564 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa daripada 68 kes baharu yang dilaporkan hari ini, **empat (4) kes import dilaporkan**. Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah sebanyak 64 kes, di mana sebanyak tiga (3) kes telah dikesan dari kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sehingga kini, seramai **18 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa tiada kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **107 kes** (1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **KLUSTER PEDAS**

Seperti yang dimaklumkan pada 2 Mei 2020, KKM telah mengenal pasti satu kluster yang melibatkan warga pekerja di sebuah kilang di Pedas, Negeri Sembilan.

Kluster ini mula dikesan apabila seorang kakitangan kilang tersebut didapati tidak sihat dan mula mengalami gejala demam, batuk, selesema, sesak nafas dan sakit kepala pada 5 April 2020. Beliau telah mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan ujian COVID-19 telah dijalankan pada 10 April 2020. Pada 12 April 2020, keputusan ujian pengesanan COVID-19 disahkan positif.

Susulan itu, siasatan dan saringan bagi kontak rapat kakitangan tersebut telah dijalankan. Sehingga 8 Mei 2020 jam 12 tengah hari, seramai 786 orang telah disaring untuk COVID-19. Mereka terdiri daripada pekerja kilang dan ahli keluarga mereka. Daripada jumlah keseluruhan ini, 60 kes didapati positif, 286 kes negatif dan 440 orang masih menunggu keputusan. Kes-kes positif kluster ini melibatkan tujuh (7) warganegara Malaysia dan 53 bukan warganegara iaitu:

- 25 kes warga Nepal;
- 18 kes warga Bangladesh;
- Lapan (8) kes warga Indonesia; dan
- Dua (2) kes warga Myanmar.

Punca jangkitan bagi kluster ini masih di dalam siasatan.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Warga pekerja yang mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas perlu **segera** mendapatkan rawatan kesihatan di klinik kesihatan berdekatan dan digesa supaya **tidak** pergi bertugas. Mereka yang bergejala juga perlu memakai pelitup muka (*face mask*). Selain itu, warga pekerja juga dinasihatkan supaya sentiasa mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi terutamanya kebersihan tangan seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*.

Bagi memelihara kebajikan pekerja dan persekitaran tempat kerja yang selamat, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menyediakan Panduan Mengendalikan Isu-Isu Berhubung Wabak Berjangkit Termasuk Novel Coronavirus Di Tempat Kerja yang telah dimasukkan ke dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020.

Para majikan perkhidmatan perlu (*essential services*) dan sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi hendaklah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

- Mengarahkan dan membenarkan pekerja untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar atas biaya majikan, seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 60F Akta Kerja 1955;
- Membenarkan cuti sakit bergaji atau kelayakan menerima rawatan bagi pekerja yang mempunyai gejala jangkitan.

Pastikan langkah-langkah pencegahan berikut adalah dilaksanakan di tempat kerja:

- Pemeriksaan suhu badan dan gejala sebelum memasuki premis kerja;
- Penyediaan tempat mencuci tangan atau *hand sanitizer*;

- Kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman terutamanya ruang guna sama;
- Amalan jarak sosial selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter termasuk di ruang kerja dan ruang makan seperti:-
  - Elakkan berada di kawasan yang sesak (*crowded space*);
  - Elakkan pekerja berkumpul di kawasan yang tertutup (*confined space*) secara beramai-ramai pada masa yang sama, seperti di ruang makan (*pantry*);
  - Kekalkan jarak 1 meter ketika cakap bersemuka dengan orang lain (*close conversation*).

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

8 Mei 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 8 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	95
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	253
<b>SELANGOR</b>	6 (1)	1,586
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	53	653
<b>MELAKA</b>	0	209
<b>JOHOR</b>	0	667
<b>PAHANG</b>	1	306
<b>TERENGGANU</b>	0	110
<b>KELANTAN</b>	0	155
<b>SABAH</b>	0	317
<b>SARAWAK</b>	1	538
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	6 (2)	1,404
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	1 (1)	87
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>68 (4)</b>	<b>6,535</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import